

20/08/1998

MB arah tangguh naik pintu cukai

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu - Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor diarah supaya menangguhkan cadangan kenaikan cukai pintu buat sementara bagi meringankan beban penduduk berikutan keadaan ekonomi yang malap.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata keputusan menangguhkan cadangan kenaikan cukai pintu itu dibuat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) memandangkan rakyat kini sedang mengalami kegawatan ekonomi.

Beliau berkata, setiap tahun kerajaan negeri memang menerima cadangan dari majlis perbandaran dan daerah untuk menaikkan kadar cukai pintu.

Bagaimanapun, katanya, PBT diminta menangguhkan dahulu cadangan itu sehingga keadaan ekonomi kembali pulih.

"Exco yang bermesyuarat hari ini bersetuju tidak ada kenaikan cukai pintu semasa negara mengalami kegawatan dan jika ada mana-mana PBT bercadang berbuat demikian kita tidak akan benarkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Sementara itu, Abu Hassan berkata, kerajaan negeri akan mengadakan majlis khas menerima sumbangan dari pihak yang berhasrat menyumbang kepada Dana Negara bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi di Holiday Inn Shah Alam pada 24 Ogos ini.

Beliau berkata, sumbangan rakyat Selangor itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke Selangor, pada 25 Ogos ini.

Mengenai lawatan Perdana Menteri, Abu Hassan berkata, kerajaan negeri menyediakan persiapan rapi, termasuk mengadakan majlis perjumpaan dengan rakyat di Stadium Malawati, dekat sini, pada jam 2.30 petang.

Sebelum itu, katanya, Perdana Menteri akan menghadiri mesyuarat tertutup dengan pemimpin Umno peringkat negeri di kediaman Menteri Besar.

(END)